



## HUBUNGAN BERAT SEBELAH JAMES BROOKE TERHADAP BRUNEI ABAD KE 19 MELALUI MANUSKRIPT BRUNEI

*UNFAIR RELATIONSHIP BETWEEN JAMES BROOKE AND BRUNEI IN 19<sup>TH</sup> CENTURY THROUGH BRUNEI MANUSCRIPT*

Abdul Razak Abdul Kadir<sup>1\*</sup>, Jamil Hamali<sup>2</sup>, Saimi Bujang<sup>3</sup>, Firdaus Abdullah<sup>4</sup>, Sharifah Anom Omar<sup>5</sup>, Mohd Syahiran Abdul Latif<sup>6</sup>, Hadenan Towpek<sup>7</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Kampus Mukah, Malaysia.  
Email: abdurak1@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia  
Email: jamil1@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia.  
Email: saimi496@ uitm.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Malaysia  
Email: fir@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Selangor, Malaysia.  
Email: anom@uitm.edu.my

<sup>6</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia.  
Email: syahiran@uitm.edu.my

<sup>7</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia.  
Email: hadenant@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 15.03.2023

Revised date: 10.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 01.06.2023

#### To cite this document:

Kadir, A. R. A., Hamali, J., Bujang, S., Abdullah, F., Omar, S. A., Latif, M. S. A., & Towpek, H. (2023). Hubungan Berat Sebelah James Brooke Terhadap Brunei Abad Ke 19 Melalui Manuskrip Brunei. *International*

### Abstrak:

Pemerintahan Brunei memang dikenali sebagai kuasa yang besar setelah Majapahit memberi kedaulatan kepada Brunei untuk menguasai wilayah Kepulauan Brunei dan sekitarnya termasuk wilayah selatan Filipina (Sulu) semenjak abad ke 16. Namun demikian, kuasa Eropah mula masuk ke wilayah Nusantara dengan alasan yang kukuh iaitu menguasai wilayah perdagangan yang kaya dengan bahan mentah. Tidak terlepas wilayah kepulauan Borneo yang kaya dengan bahan mentah seperti emas, sarang burung, rempah, bauksit dan lain-lain. Persaingan mula terjadi antara kuasa besar seperti British, Sepanyol dan Belanda. Oleh yang demikian, kuasa pemerintahan Brunei mengalami pasang surut kerana pelbagai faktor seperti masalah dalam pemerintahan Brunei, ancaman kuasa tempatan dan ancaman lanun yang aktif di kepulauan Borneo. Brunei terpaksa memikirkan langkah mencari jalan untuk mencari proksi yang mampu membantunya untuk mempertahankan

*Journal of Law, Government and Communication, 8 (32), 62-75.*

**DOI:** 10.35631/IJLGC.832006.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



kedaulatan wilayah yang dimiliki. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan metodologi kesejarahan yang menggunakan model Kuntowijoyo iaitu melalui 4 proses tahapan iaitu Heuristik, kritik, analisa dan penulisan sejarah. Dapatan kajian ini mendapat bahawa faktor hubungan perjanjian antara James Brooke dan Brunei ialah hasrat Brunei memohon bantuan pihak luar, tanggungjawab yang tidak terlaksana, ancaman Kelurga Brooke kawasan lain di Sarawak dan ambil kesempatan dalam kesempitan Brunei. Impaknya ialah perubahan status ames Brooke sebagai gabenor ke Rajah Sarawak, ekonomi dikaut oleh James Brooke tetapi tanggungjawab terabai, awalnya status pajakan tetapi berubah menjadi penguasaan dan yang terakhir ialah Brunei hilang kedaulatan terhadap beberapa wilayahnya.

#### **Kata Kunci:**

Brunei, Hubungan, James Brooke, Manuskrip

#### **Abstract:**

Brunei's rule is indeed known as a great power after Majapahit gave sovereignty to Brunei to control the territory of the Brunei Islands and its surroundings including the southern Philippines (Sulu) since the 16th century. However, European powers began to come to the archipelago with concrete reasons to control the trading area which is rich in raw materials. Not to be missed is the region of the Borneo archipelago, which is rich in raw materials such as gold, bird's nest, spices, bauxite, and others. Competition began to occur between great powers such as the British, Spain and the Netherlands. As such, the power of the Bruneian government has experienced ups and downs due to various factors such as internal problems of the Bruneian government, the threat of local power and the threat of pirates active in the Borneo archipelago. Brunei had to think of steps to find a way to find a proxy capable of helping it to defend its territorial sovereignty. The objective of this study is to first evaluate the factors that make the relationship between the two parties happen and the second is to evaluate the factors of the one-sided relationship between James Brooke and Brunei, and the impact of the injustice on Brunei. The methodology used in this study is to use a historical methodology that uses the Kuntowijoyo model, which is through 4 stages of process, namely heuristics, criticism, analysis, and historical writing. The findings of this study found that the factor in the relationship between James Brooke and Brunei was Brunei's desire to seek help from outside parties, unfulfilled responsibilities, the threat of the Brooke Family from other areas in Sarawak and taking advantage of Brunei's distress. The impact was the change of Ames Brooke's status as governor to the Rajah of Sarawak, the economy was managed by James Brooke, but his responsibilities were neglected, initially the status of a lease but changed to dominance and the last was that Brunei lost sovereignty over some of its territories.

#### **Keywords:**

Brunei, James Brooke, Manuscript, Relations

## **Pendahuluan**

Landskap Sarawak dalam pengkajian sejarah lebih dikenali oleh penguasa tempatan dan penjajah atas alasan mendatangkan manfaat yang cukup besar khususnya penjanaan ekonomi yang cukup luar biasa. Menurut (Heidhues, 1998) bahan mentah yang diperolehi seperti emas, berlian, rotan, rempah ratus, sagu, sarang burung, bauksit, lilin, antimoni dan banyak lagi

menjadi bahan terpenting eksport di wilayah Borneo dan biasanya akan dieskpot ke Singapura. Contohnya, menurut (Mail, 2016) sagu yang berada di bahagian tengah seperti Mukah, Oya, Bintulu yang menjadikan inspirasi James Brooke untuk menguasai kawasan Tengah Sarawak, yang merupakan jajahan Brunei. Brunei sudah ada wakil yang menjadi wakil pengutip cukai di wilayah tersebut iaitu Pangeran Arshad, yang merupakan anak saudara kepada Sultan Brunei, Sultan Mukmin. Bahagian Tengah Sarawak dikatakan pengeluar terbesar sagu dunia. Oleh yang demikian, habuan ekonomi ialah hasil daripada perolehan jualan tersebut dan cukai yang dikenakan terhadap barang tersebut sebagai pemerintah yang memerintah pada waktu itu.

Dalam pengkajian Sarawak, penguasa tempatan adalah didominasi oleh Brunei meskipun terdapat penguasa-penguasa wilayah kecil di Sarawak. Brunei mempunyai kuasa terhadap Sarawak dan beberapa negeri lain hasil pemberian kerajaan Johor lama. Menurut (Said, 2012) yang merujuk Silsilah Brunei bahawa kerajaan Johor menghadiahkan negeri Kelaka, Saribas, Samarahan, Sarawak dan Mukah kepada Awang Khalak Betatar (Sultan Muhammad). Kawasan Sarawak adalah kawasan Kuching sekarang ini meliputi dari Tanjung Datu sehingga ke Batang (sungai-pen) Samarahan. Wilayah ini merupakan wilayah yang mempunyai potensi yang cukup luar biasa terutama dalam bidang ekonomi. Ini menyebabkan beberapa kuasa asing mulai melirik mata untuk menguasai wilayah tersebut. Namun demikian, secara geografi wilayah tersebut merupakan wilayah yang ditakluki oleh Brunei atas penyerahan oleh Sultan Johor kepada Brunei. Ini tercatat dalam Tarsilah Brunei yang menyerah lima wilayah iaitu Kelaka, Saribas, Sadong, Samarahan dan Sarawak. Dalam manuskrip (Pengiran DiGadong Mohd Salleh bin Pengiran Anak hj Muhammad,tt) Salsilah Raja-Raja Berunei menyebutkan:

“Maka kemudian kedengaran khabar ada raja di Negeri Berunai nama Awang Khalak Betatar anak Sang Aji dan wazirnya Pateh Berbai, baginda itu maka dipanggil keduanya ke Johor untuk dibuatkan menantu bernama Paduka Seri Sulatan Muhammad di Johor dan Patih Berbai jadi Bendahara Seri Maharaja dan Sulatan Muhammad pun beberapa lamanya palang ke Berunai membawa puteri itu, maka dapat pula pesaka negeri lima buah pertama Kelaka, kedua Seribas, ketiga sadong, keempat Samarahan dan kelima Sarawak...”

Namun demikian, menurut (Larsen, 2012) Sambas sempat menempatkan diri sebagai penguasa di wilayah hujung Sarawak seperti Tanjung Datu, Lundu dan Sematan. Penempatan ini menyaingi kuasa Brunei sedia ada dan pemerintah lokal sedia negeri Sarawak menyokong kehadiran Sambas kerana tidak menyenangi sikap wakil pemerintah Brunei yang agak keterlaluan dalam masalah cukai terhadap penduduk Sarawak. Manakala penjajah menurut (Larsen, 2012) adalah kuasa keluarga Brooke yang diundang oleh Brunei sendiri ketika tidak mampu untuk menjaga wilayah yang banyak dikuasai oleh penguasa wilayah tempatan seperti di kalangan Datu Patinggi, Datu Amar, Datu Temenggung dan Datu Shahbandar (yang mempunyai kuasa autonomi) dan kuasa lain yang semakin berkembang iaitu kerajaan Islam Sambas. Ketika Brunei berada pada tahap yang lemah dengan tekanan dalaman seperti gerakan penentangan penguasa tempatan dan pemberontakan lanun yang mengganggu maka Brunei mencari alternatif. Maka pada tahap tersebut, James Brooke berperanan menempatkan diri dalam politik wilayah Brunei dan sedikit demi sedikit menguasai wilayah tersebut.

Sarawak dan wilayah tengah dan utara yang dikuasai oleh kesultanan Brunei menjanjikan aset ekonomi yang tidak ternilai. Kuasa Impirealis berebut dalam menakluki kawasan yang menjanjikan pulangan yang lumayan. Kalau meniti pemikiran Karl Marx, menurut(Bahari, 2012) sejarah terarah bukan kerana politik dan ideologi tetapi atas dorongan ekonomi. Bahawa

ekonomi yang memicu perubahan dan halatuju masyarakat. Obses sebuah kuasa membangun kerana dorongan ekonomi yang terhidang dalam wilayah yang ada. Dalam kontek ini kuasa tersebut ialah Inggeris, Belanda dan Sepanyol yang begitu ghairah untuk masuk ke gelanggang penjajahan wilayah baru.

Dalam bab yang seterusnya, penulis membincangkan kuasa Inggeris yang berpusat di Singapura dengan terus terang membantu James Brooke untuk masuk ke wilayah Sarawak dengan politik kerjasama yang licik sehingga hampir menguasai semua wilayah yang dikuasai oleh kerajaan Islam Brunei. Menurut (Faizal & Ahmad, 2022; Kadir, 2022) Brooke menguasai wilayah Sarawak sedikit demi sedikit dan mampu mentadbir Sarawak. Akhirnya dari pedagang ke penjelajah dan seterusnya berubah menjadi penguasa wilayah (gubenur) atau residen dan akhir menjadi “Rajah Sarawak”. Dalam kajian ini, objektifnya ialah pertama menilai faktor yang menjadikan hubungan antara kedua-dua pihak terjadi dan yang kedua ialah menilai faktor hubungan berat sebelah Brunei dan James Brooke serta impak ketidakadilan tersebut terhadap Brunei.

### Kajian Literatur

Kajian berkaitan tentang pemerintahan keluarga Brooke di Sarawak memang banyak tetapi fokus hubungan antara pemerintahan Brooke dengan kesultanan Brunei amat terhad. Antara kajian dan penulisan berkaitan pemerintahan Brooke di Sarawak seperti Sharifah S. Ahmad, 2022 yang membahas tentang misi perubatan dan gerak misi kepada orang Melayu, Liserd Porok, 2022 yang membincangkan perubatan terhadap orang Dayak zaman Brooke, Gregory Kiyai @ Keai, 2022 yang mengkaji tentang Peristiwa Perang Beting Marau yang berlaku pada 31 Julai 1849 merupakan sebuah titik akhir kepada penentangan Iban dari Saribas dan Skrang terhadap kekuasaan Brooke di Sarawak dan Fatimah Sidek dan Bilcher Bala, 2021 yang membahas tentang Mengkabong dan Karambunai dari segi asal usul, perubahan pentadbiran dan kesannya serta kaitannya dengan James Brooke.

Sebuah kajian yang dijalankan oleh (Faizal & Ahmad, 2022; Kadir, 2022) tentang Islam di zaman pemerintahan Brooke melalui fasa perubahan yang sederhana. Dalam masa yang sama Brooke cuba mengembangkan ajaran Kristian di kalangan penduduk tempatan namun gagal terutama kepada masyarakat Melayu. Usaha mewujudkan sekolah misionari di Sarawak dengan tujuan untuk mengubah pegangan yang dianut orang Melayu ternyata mengalami kegagalan. Orang Melayu Sarawak memang berminat belajar di sekolah di misionari kerana menjanjikan bidang pekerjaan yang baik tetapi mereka sangat kukuh pegangan Islam walaupun pendidikan ajaran kristian diajarkan kepada mereka. Walhal perjanjian awal James Brooke dengan Brunei sangat jelas tidak akan mengganggu gugat agama Islam yang dianut oleh masyarakat Melayu. Oleh yang demikian perkembangan Islam kelihatan lambat. Muncul Majlis Islam Sarawak dan Adat Istiadat Melayu membuka ruang baru untuk perkembangan Islam dilihat dari segi intitusi. Walaupun demikian, kuasa yang ada masih terhad dalam soal pentadbiran masyarakat Islam dan adat istiadat Melayu.

Kajian yang dilaksanakan oleh (Bujang, Kadir, Yusuf, Hamrie, & Yon, 2022) mengangkat perbincangan tentang pentadbiran dan perlaksanaan perundangan Islam dari mula era pemerintahan James Brooke sehingga Charles Vyner Brooke di Sarawak. Manuskip yang dianalisa membuktikan bahawa kewujudan dan perlaksanaan perundangan Islam tersebut adalah hasil daripada warisan pemerintahan yang bersifat tempatan yang terdapat di Sarawak sebelum perlantikan James Brooke oleh Pengiran Muda Hashim sebagai Gabenor Sarawak

pada tahun September 1841. Dalam hal ini, jelas kekuatan sandaran perundangan Islam sedia terpakai dan kemudian diadopsi pada pemerintahan Brooke dan selepas daripada itu.

Satu dimensi penganalisaan surat khabar dalam menyorot perjuangan dan gerakan Melayu telah dilakar oleh (Achie, 2022). Kajian ini membongkar peranan kristalistik dan sumbangan vitalistik Fajar Sarawak (1930), dalam kancang zaman keangkuhan kolonialisme Barat dan sadisme dunia Melayu-Islam, merentasi garis zaman pancaroba yang besar iaitu Perang Dunia Pertama dan Kedua. Dalam masa yang sama muncul para ulama yang berperanan besar dalam mengajar dan mendidika serta mempengaruhi masyarakat temoatan terutama orang Melayu agar bergerak ke hadapan untuk kemerdekaan Sarawak dari penjajahan British. Tentu saja pengaruh yang cukup luar biasa para ulama mampu membentuk gerakan yang halus meskipun tanpa senjata. Senjata yang mereka ada adalah ilmu dan pena.

Gerakan penentangan terutama orang Melayu terhadap penjajah pernah ditulis oleh (Ling, 2019) yang menggambarkan kemuncak kepada kebencian pemerintah yang melaksanakan polisi tanpa mengambilkira pandangan penduduk tempatan. Orang Melayu memainkan peranan yang penting dalam gerakan antipenyerahan Sarawak. Para pejuang Melayu yang berusaha untuk menuntut kemerdekaan terus berusaha untuk memperjuangkan supaya Sarawak tidak dijajah oleh British dan sebaliknya diberi taraf berkerajaan sendiri. Namun mereka tetap gagal dengan matlamat mereka untuk ingin Sarawak terus merdeka tanpa diserah ke British. Namun demikian, kumpulan anti penyerahan ini dapat meningkatkan kesedaran kebangsaan dan kesedaran politik dalam kalangan penduduk Melayu di Sarawak. Sarawak mampu merdeka dan berkerajaan sendiri Ketika pembentukan Malaysia 16 September 1963. Dalam aspek pengaruh dan pemerintahan Melayu di Sarawak telah dikaji oleh (Mansor & Pawi, 2019) yang menjelaskan tentang kekuatan peradaban Melayu sebelum kedatangan Brooke di Sarawak kuat dipengaruhi oleh peradaban Majapahit dan Brunei. Identiti dan peradaban Melayu begitu terlihat dalam bentuk sistem pemerintahan, sosio budaya, ekonomi serta pegangan dan amalan yang kukuh. Misal kata dalam bidang ekonomi penemuan wang syiling China, serpihan tembikar bertarikh 600 sebelum Masihi dan 112 sebelum Masihi di Santubong. Ini menunjukkan wujudnya pelabuhan, pusat perdagangan dan sekaligus penempatan. Cuma saja, di zaman James Brooke peranan Santubong di alih ke lokasi yang difikirkan selamat dari serangan musuh.

### **Definisi**

Pengertian secara umum tentang tajuk “Hubungan Berat Sebelah James Brooke Terhadap Brunei Abad Ke 19 Melalui Manuskrip Brunei” ialah melihat secara menyeluruh tentang sikap James Brooke terhadap hubungan yang sudah dibina dengan kerajaan Brunei Darussalam sebenarnya adalah meletakkan keuntungan disebelahnya dibandingkan dengan Kerajaan Brunei terutama aspek ekonomi dan politik serta pemerintahan terutama pada abad ke 19. Kebanyakan manuskrip Brunei lebih melihat tindakan yang kurang wajar James Brooke terhadap Brunei terutama ikatan perjanjian yang banyak dilanggar dan tidak dipatuhi oleh James Brooke.

### **Metodologi Kajian**

Pengkajian ini mengambil masa dalam setahun untuk pengumpulan manuskrip dan penganalisaan data. Manakala metodologi kajian ini menggunakan metod kualitatif kesejarahan iaitu menggunakan pendekatan Kuntowijoyo (1995), Louis Gottschalk (1975). Metod ini menggunakan empat tahapan iaitu Heuristik, Kritik, Interpretasi dan historiografi. Tahapan pertama menurut

(Istiqomah et al., 2022; Sayono, 2021; Sidik & Sulistyana, 2021) iaitu heuristik (pengumpulan sumber-sumber sejarah sama ada sumber primer atau sekunder).

Kajian (Sayono, 2021) menyatakan untuk langkah heuristik dalam ilmu sejarah perlu melalui tiga tahapan iaitu eksplorasi, identifikasi dan klasifikasi. Eksplorasi bermaksud usaha mencari sumber yang dikategorikan sebagai mempunyai informasi tentang peristiwa atau bahan sejarah yang dikaji. Untuk tujuan eksplorasi penulis sejarah boleh menggunakan pendekatan 5W1H iaitu *what, where, when, who, why* dan *how*. Identifikasi bermaksud aktiviti untuk mengenali sumber dengan memeriksa dan meneliti sumber-sumber sejarah yang dijumpai.

Dalam kajian ini, penulis menggunakan manuskrip surat perjanjian seperti (Shaifuddin, 1846) surat yang ditulis oleh Sultan Omar Ali Shaifuddin ke James Brooke. Manuskrip (Shaifudin, 1851) yang menuntut tunggakan pajak yang belum dibayar oleh James Brooke dari bahagian Selatan sehingga ke Tengah Sarawak. Manuskrip (Saifudin, 1846) tentang Surat Perjanjian Peringatan Persahabatan Antara Sultan Omar Ali Shaifuddin ke James Brooke. Ini sebahagian manuskrip yang digunakan sebagai sumber primier dalam kajian ini. Untuk pengukuhan sumber primier ini disokong oleh sumber sekunder yang disokong oleh penulisan akademik melalui penulisan jurnal, buku dan prosiding.

Selepas itu, tahapan kedua iaitu mengkritik manuskrip tersebut dari segi eksternal (luaran seperti kertas dan ink dakwat dan lain-lain) dan internal (kritik teks sejarah sama ada fakta sejarahnya konsisten atau ada fakta yang mencurigakan). Tujuan daripada kritik ini menurut (M. Dien Madjid, 2014) untuk mengenalpasti keabsahan dan kredibiliti sesuatu teks atau sumber yang berkaitan. Setiap sumber sejarah dibanding dengan lain untuk mengukur keaslian serta relevan dengan fakta sejarah yang dikaji.

Tahapan ketiga ialah interpretasi sejarah iaitu proses menganalisa fakta sejarah dengan kenyataan yang ada dengan memberi nilai faham yang sebenar. Salah satu cara interpretasi yang digunakan dalam sejarah ialah metod hermeneutika. Menurut (Sidik & Sulistyana, 2021) bahawa hermeneutika ialah sebagai satu upaya untuk memahami sebuah pemahaman apa juga keadaan seperti dalam teks atau ungkapan. Hermeneutika dalam penulisan sejarah sebagai salah satu metod menafsirkan teks. Penafsiran tersebut harus melalui kajian falsafah dan teori sehingga ia mampu membentuk disiplin berkaitan penafsiran teks (sumber sejarah). Metod penganalisaan sejarah ini lebih menggunakan kaedah deduktif iaitu dengan memaparkan beberapa kenyataan data sejarah dan menyimpulkan menjadi fakta yang baru.

Menurut (Agustian, Wibowo, & Utama, 2021) tahapan terakhir ialah penulisan historiografi iaitu penulisan sejarah berdasarkan fakta-fakta yang bersaling kait antara satu sama lain). Penulisan tersebut tidak terlepas dengan interpretasi yang menghidupkan semula fakta-fakta yang bersegmen. Kenyataan sejarah yang ditulis kelihatan “hidup” kerana diharmonikan dengan nilai falsafah dan teori sejarah.

### **Dapatkan Kajian**

Boleh difahami setelah kejatuhan Majapahit, wilayah yang dikuasai oleh Majapahit di kepulauan Borneo dikuasai oleh Kerajaan Johor. Oleh yang demikian, menurut (Said, 2012) Johor mempunyai kuasa untuk menyerahkan sebahagian wilayahnya kepada kerajaan Brunei. Brunei dianggap kuasa besar di rantau kepulauan Borneo. Kekuatan itu, menurut (Faizal & Ahmad, 2022) agak disaingi oleh Kesultanan Islam Sambas ketika muncul pada abad ke-16 setelah anak Sultan Tengah (Sultan Sarawak pertama dan terakhir) yang bernama Raden

Sulaiman mendirikan kerajaan Islam di Sambas. Apatah lagi kuasa Sambas mulai meningkat pada awal abad ke-19 sehingga dapat memasuki sebahagian wilayah Sarawak iaitu di sekitar Tanjung Datu. Tekanan luar dan dalaman (ancaman pemimpin tempatan dan lanun) serta kezaliman Pangeran Indera Mahkota dalam melaksanakan tugas sebagai wakil Brunei di Sarawak menyebabkan Brunei mencari jalan untuk meredakan keadaan sehingga terpanggilnya kerjasama Pangeran Muda Hashim dan James Brooke.

## **Faktor- Faktor Yang Menjadikan Hubungan Antara Kedua-Dua Pihak**

### ***Hasrat Brunei Memohon Bantuan Luar***

Campurtangan James Brooke di negeri Sarawak (Sarawak lama) berdasarkan pandangan (Kadir, 2022; Ward, 1927) bermula atas jemputan yang diminta sendiri oleh wakil atau Gabenor Sarawak pada masa itu iaitu Pangeran Muda Hashim (merupakan adik kepada Pangeran Indera Mahkota atau Pangeran Muhamad Salleh). Reposisi sebagai gabenor Sarawak mengantikan abangnya membuat kelebihan Pangeran Muda Hashim untuk membuat sesuatu. Kebangkitan kemarahan pemimpin penduduk diluar jangkaan. Hanya kuasa militer yang boleh menyelesaikan masalah tersebut. Ketika sikap keras berlaku oleh Pangeran Indera Mahkota maka pemimpin tempatan Datu Patinggi Ali dan Temenggung melakukan pemberontakan. James Brooke yang mempunyai kelengkapan kapal yang lengkap segera datang ke Kuching pada 29 Ogos 1840. James Brooke mempunyai sebuah kapal yang bernama *Schooner Yacht Royalist* yang dibelinya melalui duit peninggalan ayahnya, Thomas Brooke sebanyak £30,000.00. Menurut(Kiyai, 2022; Templer, 1853) James Brooke sampai ke Tanjung Datu untuk masuk ke Sarawak pada 20 Ogos 1839. Beliau sampai ke sungai Sarawak dan berjumpa dengan Pangeran Muda Hassim. Pangeran Muda Hassim memohon bantuan James Brooke ketika pertemuan pertama kali di Kuching. Bantuan diberikan dengan syarat beliau menuntut jawatan yang disandang oleh Pangeran Indera Mahkota Alam. Ia dipersetujui oleh Pangeran Indera Mahkota. Tetapi harus digaris bawahi hanya sebagai gabenor atau residen untuk Sarawak bukan menjadi Rajah Sarawak. Namun demikian, James Brooke meletak dirinya sebagai Rajah Sarawak. Berdasarkan manuskrip (Hashim, 1841) prasyarat penyerahan Sarawak berdasarkan beberapa perkara seperti berikut:

1. James Brooke memegang perintah [pemerintahan] negeri Sarawak dan takluknya;
2. Pemegang tunggal hasil mahsul Sarawak dan jajahannya;
3. Jika ada sebarang musuh di kalangan pelbagai peringkat, sultan dan wakilnya mengakui James Brooke sebagai gabenor; dan
4. Pangeran Muda melepas segala aktiviti berkaitan pemerintahan kecuali izin James Brooke dan jika ada aktiviti secara individu harus tunduk dan akur dengan perjanjian yang terjalin.

Pangeran Muda Hashim berani menyerahkan Sarawak kepada James Brooke atas kuasa yang ada padanya yang merupakan Bendahara kepada Brunei Darussalam. Beliau mempunyai cop mohor sebagai wakil Sultan Brunei dalam apajua bidang kuasa yang berkaitan hal ehwal Sarawak dan Brunei. Namun demikian, James Brooke tidak memperakui penyerahan tersebut melainkan Sultan yang memerintah sendiri yang menyerahkan wilayah Sarawak kepadanya. Maka Dua tahun berikutnya surat perjanjian yang dirujuk kepada manuskrip(Saifuddin, 1843) tersebut diperkuuhkan lagi dengan surat perjanjian yang dikeluarkan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin II yang bertarikh 1 jamadil akhir 1259 Hijriah bersamaan dengan 29 Jun 1843 Masihi.

### **Kelemahan Brunei dalam Menyelesaikan Konflik Dalaman di Wilayah Sarawak**

Konflik dalaman yang berlaku adalah berpunca daripada sikap Pangeran Indera Mahkota (Pangeran Muhammad Salleh) yang bersifat keras dan tidak bertimbang rasa ketika menjalankan kuasa atau sebagai gabenor di negeri Sarawak terutama menyangkut masalah cukai (selepas kematian sultan Tengah, beliau menjadi penganti sultan di Sarawak, tidak bertaraf sultan tetapi sekadar gabenor atau wakil sultan Brunei negeri Sarawak). Menurut (Ali, 2016; Kiyai, 2022) sikapnya kasar, mengeksplorasi rakyat dan menghakis kuasa pemimpin lokal menjadikan Sarawak tidak stabil. Bila masalah ini makin memburuk ditambahkan para pangeran yang mewakili kuasa Brunei di wilayah atas Sarawak sehingga ke wilayah Tengah membuat masalah yang sama maka Brunei membuat keputusan untuk menghantar Pangeran Muda Hashim untuk meredakan keadaan. Ketika kuasa Pangeran Indera mahkota sudah tiada beliau cuba menghasut penduduk tempatan dan dayak laut untuk mengganggu ketenteraman perdagangan di sekitar wilayah Sarawak dan sekitar.

### **Peluang Keemasan James Brooke Untuk Campur Tangan**

Menurut (Kiyai, 2022; Noranizah Yusuf, 2007) bermulanya hubungan James Brooke dengan Pangeran Muda Hashim selepas gabenor Singapura meminta James Brooke ke Sarawak untuk menyampaikan hadiah atas ucapan terima kasih atas bantuan yang diberikan. Lebih jelas dilihat dalam catatan (Runciman, 2010) yang menyatakan pertemuan tersebut menjadikan James Brooke dan Pangeran Muda Hashim menjadi akrab. James Brooke sempat singgah ke rumah Pangeran Muda Hashim dan pertemuan tersebut menjadikan hal terpenting usahasama yang dijalankan antara kedua pihak. Menurut (Ward, 1927) Pangeran Muda Hashim mengetahui bahawa James Brooke adalah bekas tentera laut yang mempunyai kelengkapan kapal yang bernama *Schooner Yacht Royalist* yang dibelinya melalui duit peninggalan ayahnya, Thomas Brooke sebanyak £30,000.00. Kekacauan yang tidak mereda menyebabkan James Brooke menerima tawaran Pangeran Muda Hashim. Kedatangan kali kedua 18 Ogos 1840, James Brooke dengan rela hati membantu tetapi dengan situasi menang menang (*win win situation*). Maka terhasilah perjanjian pertama antara keduanya atas kuasa mohor diraja Brunei yang dipegang oleh Pangeran Muda Hashim (lihat manuskrip perjanjian tersebut no (PS/A/SP/3/93) di Pusat Sejarah Brunei dan Arkib Muzium Sarawak). Kandungan perjanjian yang telah disebutkan di sub topik di atas ada kaitannya dengan pernyataan (Payne, 1960):

*"By agreement in the year of the Prophet one thousand two hundred and fifty-seven, at twelve o'clock on the thirtieth day of the month of Rejab, Prince Muda Hashim, son of the late Sultan Mohammed, with pure heart and high purpose, doth hereby transfer to the well-born James Brooke power over the country of Sarawak, together with all its dependencies, and present and future revenues...he agrees to pay to the Sultan of Brunei (Brunei-i-pen) one thousand Spanish dollars. He furthers undertakes to respect the laws and customs of the Malays of Sarawak, formally subject to the Sultan of Brunei, Prince Muda Hashim, and the Malay governors"*

### **Ancaman Lanun dan Pemimpin Tempatan Terhadap Brunei**

Bajak laut atau perampok atau lanun (*piracy*) memang menjadi isu utama laluan perdagangan di wilayah Borneo abad ke 18 dan abad ke 19. Menurut (Ali, 2016) Iranun, Balangingi, Dayak Laut, Sulu sering melakukan perompakan di atas kapal pedagang sehingga menjadikan anak kapal sebagai hamba untuk dijual termasuk pedagang Eropah. Para pedagang seperti Alexander Dalrymple (1808), William Dampier (1960), Thomas Forrest (1961), J. Hunt (1967) amat gerun dengan pergerakan lanun sehingga waktu bulan Ogos dan Oktober dianggap sebagai musim lanun. Aktiviti pelanunan ini didasarkan masyarakat yang berdasarkan maritim seperti mana digambarkan oleh(Bird, 2013; Yaacob, 2021) iaitu mayarakat yang tinggal di sekitar laut

di pulau Borneo dan tidak semua lanun ini adalah pekerjaan tetap untuk mereka. Mereka mempunyai pelbagai matlamat seperti merompak hasil kapal, menangkap orang untuk dijadikan hamba seperti Illanun daripada kesultanan Sulu yang memerlukan tenaga buruh untuk menambahkan hasil pendapatan dari perdagangan dengan negara China dan menunjukkan kekuasaan di maritim sekaligus menguasai wilayah daratan.

## **Penilaian Faktor Hubungan Berat Sebelah James Brooke dan Brunei**

### ***Pemahaman terhadap Perjanjian***

Dua perjanjian antara yang dihantar pertama oleh Pangeran Muda Hashim pada tahun 1841 dan selepas itu tahun 1843 oleh Sultan Omar Ali Shaifuddin merupakan kenyataan yang kukuh mengenai hak yang diberikan oleh Brunei terhadap James Brooke. Hak tersebut dengan jelas hak-hak yang diperolehi oleh James Brooke seperti yang tersebut di atas. Dalam dua perjanjian yang dikemukakan oleh pihak Brunei tidak menyebut nama gelaran yang dipakai oleh James Brooke. Peranan James Brooke hanya mengambil tugas sepertimana Pangeran Mahkota sebelumnya. Cuma yang membezakan perolehan hasil negeri saja. Peranan tersebut boleh diklasifikasikan sebagai gabenor atau residen yang menjadi wakil kepada sultan Brunei. Kuasa mutlak sepenuhnya adalah sultan yang memerintah Brunei tersebut. Tidak ada sebarang timbul yang meletakkan James Brooke sebagai raja atau sultan. Ini kerana Sarawak di bawah James Brooke tetap membayar pajak tahunan kepada Brunei. Kuasa Sultan Brunei yang memerintah boleh menukar perjanjian mengikut keperluan sultan tersebut. Yang menguatkan lagi ialah segala perincian undang-undang adalah tertakluk kepada sultan atau wakilnya yang mana undang-undang Islam dan adat istiadat Melayu mesti dilaksanakan. Melihat manuskrip surat perjanjian (Saifudin, 1846) pajak yang awal ketika tahun 1846 diubah kepada 4000 ringgit Brunei berbanding sebelumnya 1000 ringgit Brunei. Ini kerana ada dua hal utama dilihat oleh penulis ialah hasil mahsul selama 6 tahun perjanjian bermula tahun 1841 sehingga 1846 bertambah. Ini memang tercatit dalam perjanjian sekiranya hasil Sarawak bertambah maka James Brooke wajib membayar lebih dan faktor kedua ialah pajak yang diberikan kepada Pangeran Muda Hashim dan para datu sudah berakhir. Perjanjian pertama yang menyatakan pemberian pajak kepada Pangeran Muda Hashim dan para datu tetapi setelah terjadinya pembunuhan Pangeran Muda Hashim, maka hal tersebut terhapus dengan sendirinya. Sultan berhak memperbaharui perjanjian tersebut. Menurut (Yaacob, 2016)Pangeran Muda Hassim diarahkan pulang ke Brunei oleh Sultan. Pangeran Muda Hassim pulang ke Brunei pada tahun 1844. Maka tanggungjawab bayaran kepada Pangeran Muda Hassim dianggap sudah tamat. Satu lagi fakta yang mendukung kenyataan ini ialah Pangeran Muda Hassim telah meninggal dunia akibat dibunuh dalam konflik persaudaraan pada tahun 1846. Seluruh ahli keluarga turut terbunuh dalam peristiwa tersebut. Ia lebih kepada sifat konflik dalam kerajaan Brunei pada waktu tersebut.

### ***Tanggungjawab yang Tidak Terlaksana***

Banyak hal yang dibincangkan tentang tanggungjawab yang perlu dimainkan oleh James Brooke sebagai wakil sultan di Sarawak. Beliau adalah pemerintah yang sah menjadi wakil pentadbir Brunei di Sarawak semenjak perjanjian termeterai pada tahun 1841. Namun demikian, banyak hal yang dianggap sebagai ketidakwajaran berlaku apabila James Brooke memegang pemerintahan Sarawak. Dari sekian perkara tanggungjawab yang tidak tertuntas dengan sukses, maka ada satu hal yang tercatit dalam beberapa manuskrip iaitu surat peringatan kiriman sultan Brunei terhadap James Brooke tentang hutang pajak yang terbayar oleh James Brooke. Selepas 10 tahun Brunei belum menerima sebarang bayaran pajak daripada James Brooke. Merujuk manuskrip (Shaifudin, 1851) menyatakan bahawa Brunei belum

menerima sebarang pajak daripada James Brooke meskipun sudah memerintah Sarawak selama 10 tahun. Faktor penghalang utama masalah James Brooke adalah kerana hutang yang banyak untuk menyelesaikan pentadbiran di Sarawak.

### ***Ancaman Keluarga Brooke di Wilayah Lain***

Ancaman yang dibuat oleh James Brooke dan penerusnya menguasai bahagian lain daripada wilayah taklukan Brunei bermula dari willyah Sarawak (Kuching sekarang-pen) sehingga ke bahagian Tengah sehingga bersempadan dengan Brunei sekarang ini termasuk wilayah Limbang dan Lawas. Gerakan ini dimulai oleh James Brooke ketika melihat peristiwa yang memberikan ruang untuknya bertindak lebih agresif untuk menguasai wilayah jajahan takluk Brunei. Menurut (Bujang et al., 2022; Mai, 2008) Peristiwa tersebut ialah pembunuhan Pangeran Muda Hashim pada tahun 1846 setelah beliau dipanggil kembali ke Brunei pada tahun 1844, kerana dikatakan Pangeran Muda Hashim telah menyerahkan wilayah Sarawak kepada James Brooke sehingga kekuasaan Sarawak oleh Brunei hilang begitu saja termasuk cukai yang dikenakan kepada James Brooke. Pelantikan James Brooke oleh Pangeran Muda Hashim tidak disenangi oleh Brunei secara dasar. Namun demikian, perjanjian dibuat. Apabila Pangeran Muda hashim kembali ke Abrunei terjadinya konflik dalaman di kalangan kepimpinan Brunei sehingga terjadinya pembunuhan beramai-beramai ahli keluarga Pangeran Muda Hashim termasuk ahli keluarganya. James Brooke dan pihak British yang menyokongnya menyerang wilayah Brunei sebagai tindak balas pembunuhan Pangeran Muda Hashim. Dalam serangan tersebut Brunei kalah sehingga Sultan bersama pahlawan Haji Saman lari ke kawasan Limau Manis di ulu Sungai Brunei. James Brooke memaksa Brunei menyerahkan wilayah dari sempadan Sarawak (Kuching sekarang) sehingga wilayah tengah bahagian taklukan Brunei. Ini memaksakan Sultan Mukmin menyerahkan bahagian wilayah tengah tersebut melalui perjanjian yang baru. Menurut manuskrip surat (Abdul Mukmin Abdul Wahab, 1853) menyatakan bahawa pemerintah Brunei bbersetuju menyerahkan beberapa wilayah ke James Brooke iaitu kawasan Samarahan, Sadong, Sekerang, Lingga, Saribas, Kelaka dan Rejang seperti mana yang sudah ditandatangani terlebih dahulu oleh Sultan Omar Ali Shaifuddin sebelum tahun 1851. Yang lebih ketara semasa zaman Charles Brooke yang mengambil wilayah Limbang sehingga menjadi isu dan pertikaian sehingga sekarang. Menurut manuskrip Charles Brooke (Charles Brooke, 1890) Limbang dimasuk wilayah baru ke Sarawak yang sudah dikuasai oleh keluarga Brooke dengan mengambil kira pembayaran pajak ke Sultan Brunei dan tidak mengganggu wilayah lain di bawah takluk pemerintah Brunei.

### ***Ambil Kesempatan dalam Kesempitan***

James Brooke sebagai seorang yang berjiwa besar sudah tentu mempunyai agenda tersendiri untuk membantu Brunei dalam menyelesaikan masalahnya. Tipu muslihat yang dimainkan oleh beliau menjadikan Brunei tersepit dalam dua keadaan. Satu keadaan untuk menyelesaikan masalah dalaman dan keadaan yang kedua ialah bantuan pihak asing menjadikan wilayah takluk Brunei diganggu gugat oleh kuasa asing (dalam hal ini, James Brooke dan pemerintah British berpangkalan di Singapura). Manakala Pangeran Muda Hashim menemui jalan buntu untuk mengembalikan semula keamanan yang ada di wilayah Sarawak yang strategik. Tekanan pemimpin tempatan dan gangguan lanun serta rasa tidak puas hati penduduk Sarawak yang tertekan dengan cukai yang senantiasa menjadikan faktor dominan Pangeran Muda Hashim melakukan sikap terbuka untuk meminta bantuan kuasa asing yang lebih mempunyai kemampuan dalam persenjataan. Oleh yang demikian James Brooke tidak melepaskan ruang dan peluang untuk mencapai matlamat menguasai wilayah yang menjanjikan pulangan yang lumayan kerana sumber asli dan alam begitu banyak. Bukan beliau saja, bahkan penganti selepasnya iaitu Charles Brooke. Charles Brooke mengambil Limbang dengan secara paksa

sehingga pernah Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin ibni Sultan Omar Ali Saifuddien II (1825 - 10 Mei 1906) melalui manuskrip surat (Sultan Hashim Jalilul Alam Aqamaddin, 1903) menghantar surat ke Sultan Abdul Hamid iaitu khalifah Turki Usmani untuk membantunya menghalau kuasa Brooke di Limbang. Namun demikian, tiada tindakan susulan daripada Turki Usmani.

**Jadual 1: Keluarga Brooke Di Sarawak**

<b>Nama</b>	<b>Tahun Pemerintahan</b>	<b>Hubungan Keluarga</b>
James Brooke	1841-1868	Bapa saudara Charles Brooke
Charles Brooke	1868-1917	Anak saudara James Brooke
Charle Vyner Brooke	1917-1946	Anak Charles Brooke

Rujukan: Ho Hui Ling, 1998, Politik Orang Cina di Sarawak

### **Impak Ketidakadilan Tersebut Terhadap Brunei**

Apabila merujuk kembali kepada beberapa manuskrip perjanjian yang termeterai antara kedua-dua pihak iaitu Brunei dan James Brooke (yang disokong oleh British yang berpangkalan di Singapura) ternyata berpihak kepada James Brooke dari pelbagai perkara sehingga menimbulkan ketidakadilan. Ketidakadilan ini menimbulkan impak berat sebelah iaitu antaranya ialah:

- a. Dari Gabenor/Residen (Tuan Muda) ke Rajah Sarawak. Asal mula penyerahan kepada James Brooke sebagai wakil kuasa Brunei di Sarawak yang boleh dikategorikan sebagai gabenor atau Residen (dalam bahasa persuratan, Sultan mengelarkan James Brooke sebagai Tuan Muda). Ini boleh dilihat dalam surat yang ditandatangani dalam tahun 1843 dan seterusnya. Namun demikian, selepas berlakunya perperangan antara James Brooke (yang disokong British) dengan Brunei pada tahun 1846, terdapat ancaman penguasaan wilayah jajahan taklukan keseluruhan Brunei sehingga Brunei menyerah sebahagian besar wilayah tersebut. Pada tahun 1851, Brunei sudah mengeluarkan surat dan menggelarkan keluarga Brooke dengan Rajah Sarawak. Brunei seolah-olah dalam keadaan terpaksa dalam memberikan pengiktirafan tersebut demi menjaga hubungan supaya tidak diganggu oleh kuasa lain dan mengharapkan keluarga Brooke terus membayar pajak kepada mereka;
- b. Ekonomi dikaut tanggungjawab terabai- Setelah James Brooke mempunyai kedudukan sebagai penguasa di wilayah Sarawak, beliau menjalankan pentadbiran baru. Ini termasuk mengubah pelabuhan utama dari Lidah Tanah ke Sungai Sarawak. Ini memudahkan pengawasan terhadap pelabuhan tersebut memandang kawasan Lidah Tanah tidak selamat kerana mudah diserang oleh lanun dan pemberontakan dari pemimpin tempatan. Semua kegiatan eksport ke Singapura melalui pelabuhan sungai Sarawak tersebut. Sarawak terkenal dengan bahan eksport yang berkualiti seperti emas, lada hitam, bauksit, sago, rotan dan banyak lagi. Di satu sudut James Brooke menampak kejayaan dalam menjalankan pentadbiran memerintah Sarawak. Tetapi di satu sudut yang berbeza pembangunan agak lambat memandangkan James Brooke memikul hutang yang banyak. Apatah lagi kalau membayarkan pajak ke Brunei sehingga sultan Brunei terpaksa memberi peringatan kepada James Brooke supaya melunaskan pajakan tersebut;
- c. Pajakan Menjadi Penguasaan-Kesemua perjanjian antara Brunei dan James Brooke dan keluarganya diikat dengan pajakan antara sultan yang memerintah. Sultan mempunyai kuasa untuk mengubah perjanjian dalam kontek isi perjanjian terutama menyangkut masalah jumlah bayaran pajakan yang dibuat secara tahunan. Oleh yang

demikian James Brooke mempunyai tanggungjawab melunaskan semua pajakan yang harus dibayar kepada Brunei. Namun demikian, James Brooke dan keluarga menafikan tanggungjawab tersebut sehingga sultan-sultan Brunei memberikan surat peringatan kepada James Brooke akan tanggungjawab tersebut. Bahkan belum selesai isu pembayaran pajakan timbul isu penguasaan wilayah tengah sehingga ke sempadan wilayah Brunei termasuk Limbang dan Lawas; dan

- d. Hilang Kedaulatan- Wilayah taklukan Brunei semakin hari semakin hilang hasil tipuhelah politik dan penguasaan James Brooke dan ahli keluarganya. Brunei hilang wilayah kedaulatan jajahan bermula dari Tanjung Datu sehingga wilayah Limbang dan Lawas. Berawal penyerahan secara pajakan yang harus dibayar tahunan berakhir dengan penyerahan secara keseluruhan kepada keluarga Brooke.

### **Kesimpulan**

Sebagai kesimpulannya, penulisan ini berjaya menjawab dua objektif utama kajian ini. Bantuan yang diberikan oleh James Brooke kepada Brunei adalah pintu awal penyerahan wilayah Sarawak dan negeri lain kepada kuasa asing. Sikap dominasi kuasa yang ditunjukkan oleh James Brooke petanda bahawa ia tidak akan berhenti di kawasan negeri Sarawak saja tetapi menjalar sehingga bahagian tengah dan akhirnya sehingga ke wilayah sempadan Brunei. Faktor ketidakadilan didorong oleh faktor hubungan perjanjian antara James Brooke dan Brunei iaitu hasrat Brunei memohon bantuan pihak luar, tanggungjawab yang tidak terlaksana oleh James Brooke, ancaman keluarga Brooke kawasan lain di Sarawak dan James Brooke ambil kesempatan dalam kesempitan masalah Brunei. Impaknya ialah perubahan status James Brooke sebagai gabenor ke Rajah Sarawak, ekonomi dikaut oleh James Brooke tetapi tanggungjawab terhadap pentadbiran Sarawak terabai yang dikeliling hutang begitu banyak, awalnya status pajakan terhadap Sarawak tetapi berubah menjadi penguasaan dan yang terakhir ialah Brunei hilang kedaulatan terhadap beberapa wilayahnya.

Kajian ini memberikan sumbangan yang begitu besar kepada sejarah Sarawak secara khususnya dan amnya kepada Malaysia. Kajian ini mampu membantu memahami sejarah Sarawak melalui manuskrip abad ke-19 melalui perspektif sejarah baru. Saran dari penulis agar ada pengkajian yang mendalam tentang motif sebenarnya kedatangan James Brooke dan ahli keluarganya di Sarawak.

### **Acknowledgements**

The authors would like to acknowledge and extend special gratitude to the Global Academic Excellence (M) Sdn Bhd, who granted the Publication Grant Scheme for this project. Thank you to the Rector of Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch for giving permission to conduct research for this study. Thanks to all who helped directly and indirectly.

### **References**

- Achie, N. (2022). PERJUANGAN AGAMA, BANGSA DAN NUSA: KAJIAN TERHADAP TIGA AKHBAR MELAYU DI SARAWAK: THE STRUGGLE OF RELIGION, NATION AND STATE: A STUDY ON THE THREE MALAY NEWSPAPERS IN SARAWAK. *Jurnal Kinabalu*, 28(1), 230-249.
- Agustian, T., Wibowo, B., & Utama, E. J. P. (2021). Pengaruh Pemahaman Teknik Penelitian Sejarah menggunakan Media Film pada Mata Kuliah Pengantar Ilmu Sejarah. *Sosial Horizon: Jurnal Pendidikan Sosial*, 8(1), 66-72.
- Ali, I. (2016). Perburuan Hamba, Perlanunan, dan Kempen Penghapusan Lanun di Sarawak: Perspektif Sejarah Maritim. *SUSURGALUR*, 1(1).

- Bahari, Y. (2012). KARL MARX: Sekelumit Tentang Hidup dan Pemikirannya. *Jurnal Pendidikan Sosiologi dan Humaniora*, 1(1).
- Bird, M. T. (2013). Social Piracy in Colonial and Contemporary Southeast Asia. In.
- Bujang, S., Kadir, A. R. A., Yusuf, N., Hamrie, F., & Yon, W. A. W. (2022). Sejarah dan Perkembangan Pentadbiran Islam Pada Era Pemerintahan Brooke di Sarawak: The History and Development of Islamic Administration in the Era of Brooke's Governance in Sarawak. *Journal of Al-Tamaddun*, 17(2), 53-70.
- Faizal, A. A. A. M., & Ahmad, M. N. (2022). Kemasukan Islam di Sarawak Pada Zaman Pemerintahan Brooke. *AL-TURATH JOURNAL OF AL-QURAN AND AL-SUNNAH*, 7(2), 31-40.
- Hashim, P. M. (1841). *Penyerahan sarawak kepada James Brooke Bersyarat*. Penyerahan sarawak kepada James Brooke Bersyarat, (PS/A/SP/3/93). Pusat Sejarah Brunei.
- Heidhues, M. S. (1998). The first two sultans of Pontianak. *Archipel*, 56(1), 273-294.
- Istiqomah, I., Fitriani, I. S., Pangestu, I. T., Milinia, L., Pratama, R. A., & Imron, A. (2022). Urgensi Arsip Digital Sebagai Bahan Rujukan Penelitian Sejarah di Era Pandemi Covid-19. *KRAKATOA*, 1(1), 5-10.
- Kadir, A. R. A. (2022). *Sinergi Ulama dan Umara dalam Pembentukan Jabatan Agama Islam Sarawak 1955-1990*. Paper presented at the Proceedings Borneo Islamic International Conference eISSN 2948-5045.
- Kiyai, G. (2022). PERANG BETING MARAU 1849: KEMUNCAK KEPADA KONFLIK IBAN DAN RAJAH BROOKE. *Zulfaqar Journal of Defence Management, Social Science & Humanities*, 5(2).
- Larsen, I. (2012). The First Sultan of Sarawak and His Links to Brunei and the Sambas Dynasty, 1599-1826: A Little-known Pre-Brooke History. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 85(2), 1-16.
- Ling, H. H. (1998). *Politik orang Cina di Sarawak, 1941-1963*. Malaya, Kuala Lumpur.
- Ling, H. H. (2019). GERAKAN ANTIPENYERAHAN DI SARAWAK, 1946-1949: PENENTANGAN ORANG MELAYU TERHADAP PENJAJAH BRITISH (The Anti-Cession Movement in Sarawak, 1946-1949: The Malays Resistance Against the British Colonial). *Journal of Al-Tamaddun*, 14(1), 73-88.
- M. Dien Madjid, J. W. (2014). *Ilmu Sejarah: Sebuah pengantar*. Jakarta: Prenada Media Group.
- Mai, A. A. b. H. (2008). *Pemberontakan Sarawak Detik-detik Awal Campur Tangan British ke atas Politik Kesultanan Brunei*.
- Mail, A. A. (2016). Kesultanan Melayu Brunei dalam Konflik Mukah pada Abad ke-19: Satu Perbandingan antara Perspektif Sumber Barat dan Tempatan. *SOSIOHUMANIKA*, 2(2).
- Mansor, S., & Pawi, A. A. A. (2019). Peradaban Melayu Sarawak dalam Konteks Nusantara. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 278-305.
- Noranizah Yusuf, W. K. M., Ezad Azraai Jamsari. (2007). *Tokoh Ulama di Sarawak dan Peranannya terhadap Kelangsungan Islam Zaman Pemerintahan Brooke*. Paper presented at the Nadwah Ulama Nusantara, Kuching, Sarawak.
- Payne, R. (1960). *The White Rajahs of Sarawak*: Funk & Wagnalls.
- Runciman, S. (2010). *The white Rajah: a history of Sarawak from 1841 to 1946*: Cambridge University Press.
- Said, S. (2012). *Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang*: Ministry of Higher Education Malaysia.
- Saifuddin, S. O. A. (1843). *Surat Perjanjian Antara Sultan Omar Ali kepada James Brooke*. Surat Perjanjian Antara Sultan Omar Ali kepada James Brooke., (PS/A/SP/96). Pusat Sejarah Brunei.

- Saifudin, S. O. A. (1846). *Surat Perjanjian Peringatan Persahabatan Antara Sultan Omar Ali Shaifuddin ke James Brooke Xavier*. Surat Perjanjian Peringatan Persahabatan Antara Sultan Omar Ali Shaifuddin ke James Brooke Xavier, (PS/A/SP/2/96). Pusat Sejarah Brunei.
- Sayono, J. (2021). LANGKAH-LANGKAH HEURISTIK DALAM METODE SEJARAH DI ERA DIGITAL. *Sejarah dan Budaya: Jurnal Sejarah, Budaya, dan Pengajarannya*, 15(2), 369-376.
- Shaifuddin, S. O. A. (1846). *Surat Perjanjian Sultan Omar Ali Shaifuddin ke James Brooke Xavier*. Surat Perjanjian Sultan Omar Ali Shaifuddin ke James Brooke Xavier, (Nil). Pusat Sejarah Brunei.
- Shaifudin, O. A. (1851). *Surat Peringatan Tentang Pajak Yang Belum Dibayar dari bahagian Pertama sehingga Tengah*. Surat Peringatan Tentang Pajak Yang Belum Dibayar dari bahagian Pertama sehingga Tengah, (PS/A/SP/3/96). Pusat Sejarah Brunei.
- Sidik, H., & Sulistyana, I. P. (2021). Hermeneutika Sebuah Metode Interpretasi Dalam Kajian Filsafat Sejarah. *Agastya: Jurnal Sejarah Dan Pembelajarannya*, 11(1), 19-34.
- Templer, J. C. (1853). *The Private Letters of Sir James Brooke, KCB, Rajah of Sarawak: Narrating the Events of His Life, from 1838 to the Present Time* (Vol. 3): Richard Bentley.
- Ward, A. B. (1927). *Outlines of Sarawak History, 1839-1917*: US Government Printing Office.
- Yaacob, H. F. (2016). Imperialisme Barat dan Implikasi Ke Atas Pengislaman Borneo. *PROYEKSI Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial dan Humaniora*, 20(02).
- Yaacob, H. F. (2021). Perspektif Orientalisme Tentang Islam di Borneo (Orientalism Perspective About Islam in Borneo). *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(2), 49-66.